



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**HUBUNGAN LATAR BELAKANG GURU DENGAN
PERSEPSI TERHADAP PENGAJARAN MATA
PELAJARAN KEMAHIRAN HIDUP**

HABIBAH BINTI MOHD SAMIN

FPP 1995 3

**HUBUNGAN LATAR BELAKANG GURU DENGAN
PERSEPSI TERHADAP PENGAJARAN MATA
PELAJARAN KEMAHIRAN HIDUP**

Oleh

HABIBAH BINTI MOHD SAMIN

Tesis Yang Dikemukakan Sebagai Memenuhi Sebahagian
Daripada Syarat Untuk Mendapatkan
Ijazah Master Sains Di Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Pertanian Malaysia

Disember 1995



PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan berkat limpah kurniaNya penulis berjaya menyiapkan tesis ini. Dalam usaha menyempurnakan tesis ini, penulis banyak menerima nasihat, bimbingan, pandangan dan dorongan. Dengan hati yang tulus ikhlas, penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih, khususnya kepada Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan, Profesor Madya Dr. Hapsah Nawawi dan ahli-ahli jawatankuasa, Dr. Ramlah Hamzah dan Dr. Zakaria Kasa. Jasa yang mereka curahkan akan diabadikan dalam ingatan dan semoga Allah jua yang akan membalasnya. Penulis juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan yang memberikan biasiswa, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri Perak dan Selangor yang memberikan kebenaran dan kerjasama semasa penulis menjalankan kajian rintis dan kajian di sekolah menengah Daerah Batang Padang, Hulu Selangor dan Sabak Bernam. Kepada pengetua dan guru Kemahiran Hidup di sekolah yang dipilih, penulis juga merakamkan penghargaan dan terima kasih. Penghargaan ini juga ditujukan kepada Pengarah RECSAM, Dr. Hussien Mahmood (bekas Pengetua IPSI) yang selalu memberikan galakan kepada penulis untuk melanjutkan pelajaran. Kepada pensyarah di Unit Pendidikan Vokasional dan Fakulti Pengajian Pendidikan UPM, Encik Mohd Zul di Pusat



Komputer UPM, rakan-rakan program master di UPM, rakan-rakan pensyarah dan staf sokongan IPSI, dan sesiapa sahaja yang turut membantu sama ada secara langsung atau tidak langsung, penulis merakamkan penghargaan dan setinggi-tinggi terima kasih.

Ucapan penghargaan dan kasih sayang untuk ayahanda Hj. Mohd Samin dan Bonda Hajah Sharifah, ayahanda dan bonda mertua, Along, Angah, serta adik-adik yang sentiasa mendoakan kejayaan penulis.

Akhir sekali ucapan penghargaan yang paling istimewa ditujukan kepada suami tercinta Mohd. Jamil Hj. Mat Said yang sentiasa mendoakan dan memberi semangat serta begitu memahami keadaan penulis sepanjang tempoh pengajian ini. Tanpa galakan dan dorongan beliau pengajian dan tesis ini sukar untuk disempurnakan. Istimewa juga untuk anak-anak yang dikasihi 'Ariff, Faiez, Fairuz dan Balqis yang menjadi sumber inspirasi dan sangat memahami keadaan dan tugas ibu mereka.

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN	ii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI SINGKATAN PERKATAAN	x
ABSTRAK	xi
ABSTRACT	xiii
 BAB	
I PENDAHULUAN	
Pernyataan Masalah	5
Objektif Kajian	6
Soalan Kajian	7
Kepentingan Kajian	8
Batasan Kajian	9
Definisi Operasional	9
Latar Belakang	10
Guru Kemahiran Hidup	10
Mata Pelajaran Kemahiran Hidup	10
Persepsi	11
Kursus Dalam Perkhidmatan	11
Pentadbir	11
Sokongan	12
 II SOROTAN LITERATUR	
Pelaksanaan Inovasi Pendidikan (KBSM)	
Di Sekolah Menengah	13
Kajian Tentang Persepsi Guru Terhadap	
Mata Pelajaran KH	15
Kajian Tentang Kepentingan Latihan dan	
Kemahiran Kepada Guru	18
Kemudahan Bekalan Peralatan Dan	
Bahan Bantu Mengajar	24
Sokongan Dan Motivasi Pihak	
Pentadbir	29
Kesimpulan	34
 III METODOLOGI KAJIAN	
Reka Bentuk Kajian	
Kerangka Konsep	36
Kerangka Konsep	37

	Halaman
Populasi	38
Instrumen Kajian	39
Kesahan Instrumen Kajian	41
Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	41
Prosedur Pengumpulan Data	42
Penganalisan Data	43
 IV HASIL KAJIAN	 44
Profil Responden	45
Persepsi Responden Terhadap Pengajaran Mata Pelajaran Kemahiran Hidup	53
Kepentingan Terhadap Latihan Dan Kemahiran	54
Kemudahan Bekalan Peralatan Dan Bahan Bantu Mengajar	55
Sokongan Dan Motivasi Pengetua	55
Penyusunan Jadual Waktu	56
Pengajaran Kemahiran Hidup	59
Korelasi Pearson Antara Pembolehubah	62
Korelasi Pearson Berdasarkan Latar Belakang (Umur dan Pengalaman Mengajar) Responden	63
Perbezaan Persepsi Terhadap Pengajaran Mata Pelajaran KH Berdasarkan Jantina	65
Perbezaan Persepsi Terhadap Pengajaran Mata Pelajaran Berdasarkan Kursus Dalam Perkhidmatan	65
Perbezaan Persepsi Berdasarkan Kursus KH Pra-Perkhidmatan Dengan Kursus KH Dalam Perkhidmatan	66
 V PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	 69
Ringkasan Dapatan	70
Perbincangan	71
Kesimpulan	77
Cadangan	78
Cadangan Kajian Akan Datang	80
 BIBLIOGRAFI	 83

LAMPIRAN

A	Senarai Sekolah	90
B	Soal Selidik	92
C	Senarai Ahli Panel Penyemak Kesahan Isi Soal Selidik	99
D	Surat Kebenaran Daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan	101
E	Surat Kebenaran Jabatan Pendidikan Negeri Perak	103
F	Surat Kebenaran Jabatan Pendidikan Negeri Selangor	105
LATAR DIRI		107



SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Taburan Bilangan dan Peratus Responden Mengikut Jantina	45
2	Taburan Bilangan dan Peratus Responden Mengikut Umur	46
3	Taburan Bilangan dan Peratus Responden Mengikut Status Perkahwinan	46
4	Taburan Bilangan dan Peratus Mengikut Kelayakan Ikhtisas Responden	47
5	Taburan Bilangan dan Peratus Responden Mengikut Pengkhususan	48
6	Taburan Bilangan dan Peratus Responden Mengikut Pengalaman Mengajar...	49
7	Taburan Bilangan dan Peratus Responden Mengikut Pengalaman Mengajar Kemahiran Hidup	49
8	Taburan Bilangan dan Peratus Responden Mengikut Jumlah Waktu Mengajar Dalam Seminggu	50
9	Taburan Bilangan dan Peratus Responden Mengikut Pengajaran Bahagian-Bahagian Dalam Kemahiran Hidup	51
10	Taburan Bilangan dan Peratus Responden Mengajar Mata Pelajaran Selain Kemahiran Hidup	51
11	Taburan Bilangan dan Peratus Responden Mengikuti Kursus Bagi Mata Pelajaran Kemahiran Hidup	52
12	Taburan Bilangan dan Peratus Responden Berdasarkan Jenis Kursus Kemahiran Hidup yang Dihadiri	53



Jadual	Halaman
13	Min dan Sisihan Piawai Persepsi Responden Terhadap Kepentingan Latihan dan Kemahiran 54
14	Min dan Sisihan Piawai Persepsi Responden Terhadap Kemudahan Bekalan Peralatan dan Bahan Bantu Mengajar 57
15	Min dan Sisihan Piawai Persepsi Responden Terhadap Sokongan dan Motivasi Pengetua 58
16	Min dan Sisihan Piawai Persepsi Terhadap Penyusunan Jadual Waktu Kemahiran Hidup 59
17	Min dan Sisihan Piawai Persepsi Responden Terhadap Pengajaran Mata Pelajaran Kemahiran Hidup 61
18	Korelasi Pearson di Antara Pembolehubah 64
19	Korelasi Pearson Berdasarkan Umur dan Pengalaman Mengajar Responden 64
20	Ujian-t Bagi Persepsi Terhadap Pengajaran Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Berdasarkan Jantina 65
21	Ujian-t Bagi Persepsi Berdasarkan Telah Mengikuti Kursus Dalam Perkhidmatan 66
22	Ujian-t Bagi Persepsi Berdasarkan Kursus KH Dalam Perkhidmatan dan Pra-Perkhidmatan 66
23	Rumusan Keseluruhan Dapatan 67



SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1	Hubungan Antara Pembolehubah	38
2	Hubungan Signifikan Antara Pembolehubah	77



SENARAI SINGKATAN PERKATAAN

ERT	- Ekonomi Rumah Tangga
FPN	- Falsafah Pendidikan Negara
IPSI	- Institut Perguruan Sultan Idris
JPN	- Jabatan Pendidikan Negeri
JPNS	- Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
KBSM	- Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KBSR	- Kurikulum Baru Sekolah Rendah
KH	- Kemahiran Hidup
KLSM	- Kurikulum Lama Sekolah Menengah
KM	- Kemahiran Manipulatif
KMT	- Kemahiran Manipulatif Tambahan
KPM	- Kementerian Pendidikan Malaysia
PPK	- Pusat Perkembangan Kurikulum
RECSAM	- Regional Centre for Science and Mathematics
S	- Setuju
SP	- Sains Pertanian
SPSS PC+	- Statistical Packages for the Social Sciences Personal Computer +
SPU	- Seni Perusahaan
SRT	- Sains Rumah Tangga
SS	- Sangat Setuju
STS	- Sangat Tidak Setuju
TP	- Tidak pasti
TS	- Tidak Setuju
UPM	- Universiti Pertanian Malaysia

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Pertanian
Malaysia sebagai memenuhi sebahagian syarat untuk mendapatkan
Ijazah Master Sains

**HUBUNGAN LATAR BELAKANG GURU DENGAN PERSEPSI
TERHADAP PENGAJARAN MATA PELAJARAN
KEMAHIRAN HIDUP**

Oleh

HABIBAH BINTI MOHD SAMIN

DISEMBER 1995

Pengerusi : Profesor Madya Dr. Hapsah Nawawi

Fakulti : Fakulti Pengajian Pendidikan.

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi guru terhadap pengajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup dan melihat hubungan antara pembolehubah latar belakang guru dengan persepsi terhadap pengajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup. Selain itu, kajian ini mengkaji perkaitan antara pembolehubah iaitu kepentingan latihan dan kemahiran guru, sokongan dan motivasi pengetua sekolah, dan juga kemudahan bekalan peralatan Kemahiran Hidup dengan persepsi guru terhadap pengajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup.

Populasi kajian ialah semua guru Kemahiran Hidup sekolah menengah daerah Hulu Selangor dan Sabak Bernam. Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik. Data dianalisis menggunakan



statistik deskriptif dan inferensi dengan kiraan frekuensi, peratusan, ujian-t dan korelasi Pearson.

Hasil kajian adalah seperti berikut: (1) Keseluruhan guru mempunyai persepsi yang positif terhadap pengajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup, (2) Kebanyakan mereka merupakan guru bukan siswazah yang telah mengikuti kursus dalam perkhidmatan bagi mata pelajaran Kemahiran Hidup, (3) Guru menganggap latihan dan kemahiran adalah penting, (4) Mereka menganggap kemudahan bekalan peralatan dan bahan bantu mengajar mencukupi dan juga pengetua memberi sokongan dan motivasi terhadap usaha mereka, (5) Terdapat hubungan yang signifikan di antara pembolehubah-pembolehubah (umur, kepentingan latihan dan kemahiran, kemudahan bekalan peralatan dan bahan bantu mengajar, dan pembolehubah sokongan dan motivasi pengetua) dengan persepsi terhadap pengajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup dan (6) Pembolehubah kursus dalam perkhidmatan yang dihadiri menunjukkan perbezaan yang signifikan. Walau bagaimanapun pembolehubah jantina, pengalaman mengajar, dan pengkhususan dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup tidak menunjukkan perkaitan dan perbezaan dengan persepsi guru terhadap pengajaran mata pelajaran Kemahiran hidup.

Abstract of thesis submitted to the Senate of Universiti Pertanian
Malaysia in partial fulfilment of the requirements for the degree of
Master of Science

**THE RELATIONSHIP BETWEEN THE TEACHERS' BACKGROUND
AND THEIR PERCEPTION TOWARDS THE TEACHING OF
LIVING SKILLS**

By

HABIBAH BINTI MOHD SAMIN

DECEMBER 1995

Chairperson : Associate Professor Dr. Hapsah Nawawi

Faculty : Faculty of Educational Studies

The main objective of this study was to determine the perception of teachers towards the teaching of Living Skills. The study was to determine the relationship between the teachers background and their perception towards the teaching of Living Skills. In addition, the study also examined the relationship between variables such as the importance of skills and the training of teachers, the principal's support and motivation; the availability of equipment and teaching materials and the teachers' perception towards the teaching of Living Skills.

The population of the study comprised of all teachers of Living Skills in the secondary schools of Hulu Selangor and Sabak Bernam. A set of questionnaire was used as the instrument of the



study. Data were analysed using the descriptive and inferential statistics by frequency counts, percentages, t-test, and Pearson correlation coefficient.

The findings of the study were as follows: (1) All teachers have positive perception towards the teaching of Living Skills, (2) Most of the respondents were non-graduate teachers who have attended in-service courses in the teaching of Living Skills, (3) The teachers felt that training and skills are important, (4) They indicated that the supply of equipment and teaching materials were adequate, and that their principals supported and motivated them in their efforts, (5) There was a significant correlation between the variables (age, importance of skills and training, supply of equipment and teaching materials, and principal's support and motivation) and perception towards the teaching of Living Skills, and (6) The variables of in-service courses attended showed significant differences, while variables of gender, teaching experience, and specialization in Living Skills did not show any relationship and differences in teachers' perception towards the teaching of Living Skills.

BAB 1

PENDAHULUAN

Pendidikan merupakan suatu bidang yang bersifat dinamik dan progresif. Dengan itu, proses pengkajian, penelitian, pengubahsuaian, perubahan dan pembaharuan akan berlaku dari semasa ke semasa mengikut keperluan dan kesesuaiannya dari segi agama, bangsa, dan negara demi meningkatkan lagi kualiti pendidikan itu sendiri.

Reformasi pendidikan bertujuan untuk meningkatkan kualiti pendidikan negara. Dalam konteks pendidikan di Malaysia, reformasi pendidikan sebenarnya sudah wujud semenjak pemerintahan Inggeris. Bagaimanapun, pada tahun 1982 melalui Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1988, reformasi pendidikan yang dilaksanakan adalah lebih berbentuk kualitatif. Reformasi pendidikan di peringkat ini lebih menuju ke arah peningkatan kualiti pendidikan yang bertujuan untuk memenuhi keperluan hidup yang sentiasa berubah dan mencabar (Wan Mohd. Zahid, 1989).

Dengan terlaksananya reformasi pendidikan di Malaysia pada tahun 1988, Kurikulum Lama Sekolah Menengah (KLSM) telah dikaji semula, diubah suai dan dikemas kini. Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), Kementerian Pendidikan (1988) menjelaskan bahawa aktiviti ini dilakukan bertujuan untuk mengatasi segala kelemahan yang sedia ada dalam kurikulum sekarang, mewujudkan



kesinambungan yang sempurna dengan kurikulum di peringkat sekolah rendah (KBSR), dan supaya beberapa dasar dan keperluan negara dapat dipenuhi. Hasilnya lahirlah KBSM yang digubal berterata

Mata pelajaran Kemahiran Hidup (KH) adalah satu mata pelajaran teras dalam KBSM yang digubal selaras dengan kehendak Falsafah Pendidikan Negara (FPN). Pelaksanaan mata pelajaran KH dengan sepenuhnya pada tahun 1991 di semua sekolah menengah, merupakan satu langkah penggantian mata pelajaran elektif (Sains Rumah Tangga - SRT, Sains Pertanian - SP, Perdagangan, dan Seni Perusahaan - SPU) yang diperkenalkan melalui Sistem Pelajaran Aneka Jurusan pada tahun 1965.

Mata pelajaran ini diwujudkan sebagai sebahagian daripada usaha pendidikan ke arah mempertingkatkan kemahiran manipulatif dan penanaman semangat keusahawanan serta daya merekacipta di kalangan pelajar. Ia membekalkan pelajar dengan kemahiran untuk mengendalikan hidup secara produktif dalam dunia teknologi dan perdagangan yang kompleks dan sentiasa berubah. KH juga bertujuan memupuk sifat positif terhadap kerja bermutu tinggi, berdikari dan membina keyakinan diri.

Mata pelajaran KH terbahagi kepada dua bahagian, iaitu bahagian teras dan bahagian pilihan. Bahagian teras mengandungi tiga komponen iaitu Kemahiran Manipulatif (KM), Perdagangan dan Keusahawanan, dan Kekeluargaan yang perlu diambil oleh semua pelajar. Bahagian pilihan pula mengandungi tiga komponen iaitu Kemahiran Manipulatif Tambahan (KMT), Ekonomi Rumah

Tangga (ERT) dan Sains Pertanian (SP). Bagi bahagian pilihan ini, pelajar dikehendaki memilih satu komponen sahaja, iaitu ia diambil dari tingkatan 1 hingga tingkatan 3 (Kementerian Pendidikan Malaysia, Pukal Latihan KBSM, 1992).

Sehubungan itu, sesuatu inovasi dalam kurikulum pendidikan, mengakibatkan perubahan tanggungjawab seseorang guru. Ini kerana gurulah yang menentukan apa yang sebenar berlaku di dalam bilik darjah. Kegagalan melaksanakan program ini dengan baik dan berkesan bermakna pembaziran masa, tenaga, dan sumber kewangan dalam membentuk program tersebut. Di samping itu, pelajar yang sepatutnya mendapat peluang sepenuhnya turut teraniaya (Siti Hawa, 1986).

Downey dan Kelly (1976) menegaskan bahawa kesediaan guru dari aspek sokongan dan motivasi adalah satu faktor yang sangat kritikal dalam melaksanakan sesuatu program baru. Untuk menyuruh guru mengubah amalan dan kebiasaan mereka, pihak tertentu perlulah membekalkan guru dengan input yang mencukupi, iaitu pengetahuan dan kemahiran serta bahan sumber yang diperlukan.

Di pihak guru pula, mereka perlu mempunyai kesediaan dan kesanggupan untuk menangani sesuatu pembaharuan. Ini kerana walaupun pelajar minat kepada mata pelajaran KH, tetapi kejayaan pengajaran sebenarnya bergantung kepada kesediaan dan kelayakan guru (Azizah dan Sharifah, 1993). Sementara itu, menurut Zaidatol Akmaliah dan Ramlah (1995), pengajaran yang berkesan

memerlukan seseorang guru mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang mata pelajaran yang akan diajar.

Sehubungan itu, guru perlu dihantar berkursus sebelum kurikulum baru diperkenalkan dan dilaksanakan (Ross dan rakan-rakan, 1991). Menurut Ross lagi, kurikulum pendidikan akan dilaksanakan dengan lebih berkesan serta dapat meningkatkan hasil pencapaian pelajar sekiranya guru dilatih dengan secukupnya dalam menggunakan kurikulum tersebut. Adam (1975) menyatakan kursus dalam perkhidmatan adalah penting kepada guru kerana ia meliputi seluruh aktiviti yang membolehkan guru meningkatkan tahap pendidikan, membina kecekapan ikhtisas, dan meningkatkan kefahaman mereka tentang prinsip serta teknik dalam bidang pendidikan.

Sebagai mata pelajaran yang baru diperkenalkan, sudah pastilah pelaksanaan mata pelajaran KH menghadapi berbagai-bagai cabaran dan masalah. Ditinjau dari aspek guru adalah diandaikan masalah utama mereka ialah tidak dapat melaksanakan pengajaran mata pelajaran KH dengan berkesan kerana kurang pendedahan, pengetahuan, latihan dan kemahiran dalam bidang tersebut. Keadaan ini dapat dikaitkan dengan pendapat Hurst (1981), yang mengatakan bahawa guru yang tidak mempunyai pengetahuan, kefahaman dan kemahiran tidak dapat menyampaikan pengajaran dengan berkesan.

Mata pelajaran KH ini melibatkan pengetahuan dan kemahiran praktis, setiap guru perlu didedahkan dengan bidang tersebut sebelum mereka ditugaskan melaksanakan pengajarannya.

Sehubungan dengan ini juga, didapati guru yang mengajar KH (pada waktu ia mula diperkenalkan) belum didedahkan dengan mata pelajaran tersebut semasa mereka menerima latihan asas perguruan, sama ada di maktab ataupun di universiti.

Sesuatu inovasi kurikulum boleh berjaya jika guru mendapat sokongan daripada pihak pentadbir. Sokongan tersebut boleh menjadi penentu kepada persepsi guru, sama ada bersikap positif atau sebaliknya untuk melaksanakan pengajaran KH di sesebuah sekolah. Persepsi guru yang positif terhadap pengetua akan menjadi penentu kepada kejayaan pelaksanaan sesuatu pengajaran (Short dan Spencer, 1990, dan Andrew, 1987).

Di samping itu, faktor kemudahan bekalan peralatan dan bahan bantu mengajar juga turut menyumbang kepada kesediaan guru dalam melaksanakan pengajaran mata pelajaran KH. Kekurangan kemudahan dan peralatan merupakan halangan bagi pengajaran yang berkesan dan tidak menggalakkan inovasi dalam kurikulum (Sulaiman dan rakan-rakan, 1990; John, 1984; Lombana, 1984; Wong, 1984, dan Jemaah Nazir, 1981).

Pernyataan Masalah

Pada awal pelaksanaan pada tahun 1989 dan pelaksanaan sepenuhnya pengajaran mata pelajaran KH pada tahun 1991 di semua sekolah menengah telah menimbulkan pelbagai reaksi di kalangan guru, pelajar, ibu bapa, dan pihak pentadbir sekolah. Pelaksanaan kurikulum baru merupakan satu proses yang kompleks. Kejayaannya bergantung kepada kejelasan kurikulum

dan sejauhmana guru memahami perubahan yang dibawa oleh kurikulum itu. Di samping itu, perubahan ini juga akan menimbulkan satu persepsi guru terhadap mata pelajaran KH. Persepsi yang positif terhadap perubahan adalah penting kerana ia akan mempengaruhi tingkah laku pengajaran guru di dalam bilik darjah.

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan kerana persoalan yang wujud iaitu adakah guru yang mengajar KH di sekolah menengah, mempunyai pengetahuan, latihan dan kemahiran dalam bidang tersebut? Apakah persepsi guru terhadap kepentingan latihan dan kemahiran? Apakah persepsi mereka terhadap pengajaran mata pelajaran KH ini? Adakah guru yang mengajar KH dibekalkan dengan kemudahan dan peralatan dan apakah persepsi mereka terhadap kemudahan bekalan peralatan dan bahan bantu mengajar? Apakah persepsi guru terhadap sokongan dan motivasi daripada pengetua berhubung dengan pelaksanaan mata pelajaran KH? Adakah terdapat perkaitan antara latihan dan kemahiran, sokongan dan motivasi pengetua, dan kemudahan bekalan peralatan dan bahan bantu mengajar, dengan persepsi mereka terhadap pengajaran mata pelajaran KH? Satu kajian yang terperinci dijalankan bertujuan untuk mengetahui keadaan yang sebenarnya berlaku di sekolah.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan mengkaji perkaitan antara latar belakang guru dari aspek latihan dan kemahiran dengan persepsi mereka terhadap pengajaran mata pelajaran Kemahiran

Hidup. Selain itu, kaitan antara faktor sokongan dan motivasi daripada pengetua, dan kemudahan bekalan peralatan dan bahan bantu mengajar dengan persepsi guru juga dikaji.

Soalan Kajian

Untuk mencapai objektif tersebut soalan-soalan berikut dikemukakan:

1. Apakah latar belakang guru yang mengajar mata pelajaran KH?
2. Adakah guru yang mengajar KH mempunyai latihan dan kemahiran (kursus dalam bidang KH)?
3. Apakah persepsi guru terhadap pengajaran mata pelajaran KH?
4. Apakah persepsi guru terhadap kepentingan latihan dan kemahiran?
5. Apakah persepsi mereka terhadap kemudahan bekalan peralatan dan bahan bantu mengajar KH di sekolah?
6. Apakah persepsi guru terhadap sokongan dan motivasi pengetua berhubung dengan pelaksanaan pengajaran KH di sekolah?
7. Adakah terdapat perkaitan antara kepentingan terhadap latihan dan kemahiran, sokongan dan motivasi pengetua, dan kemudahan bekalan peralatan dan bahan bantu

mengajar, dan latar belakang guru dengan persepsi mereka terhadap pengajaran mata pelajaran KH?

Kepentingan Kajian

Sebagai mata pelajaran yang baru diperkenalkan, adalah diharapkan mata pelajaran ini dapat dilaksanakan dengan berkesan dan menuju ke arah matlamat dan objektifnya selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara.

Sehubungan itu, kajian ini penting bagi mendapatkan maklumat awal untuk mengesan dan mengenal pasti latihan dan kemahiran serta kelayakan dan pengalaman guru mempunyai kaitan dengan persepsi mereka terhadap pengajaran mata pelajaran KH. Ini kerana guru merupakan golongan yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan pembaharuan kurikulum (Nor Azlan, 1987), di samping sentiasa berhadapan dengan kesulitan serta cabaran ketika melaksanakan pengajaran di sekolah.

Oleh yang demikian, hasil daripada kajian ini diharapkan dapat membantu Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pendidikan Negeri meningkatkan keberkesanan pelaksanaan pengajaran mata pelajaran KH. Dapatan kajian ini dapat membantu penggubal kurikulum khususnya, meneliti kesesuaian latihan dalam perkhidmatan bagi mata pelajaran KH.

Bagi peringkat institusi perguruan dan pusat pengajian tinggi pula, kajian ini diharapkan dapat memberi suatu gambaran bagaimana kualiti guru yang pernah dihasilkan. Dengan itu segala

kekurangan dan kelemahan yang terdapat pada guru tersebut dapat diatasi. Di samping itu, pihak institusi perguruan dan pusat pengajian tinggi seharusnya peka terhadap pembaharuan kurikulum dan latihan supaya guru yang dihasilkan nanti benar-benar berkelayakan, mempunyai minat dan berkeyakinan untuk pelaksanaan pengajaran KH.

Di peringkat sekolah, khasnya pengetua, penyelia, dan guru, dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu mereka dalam usaha untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan pengajaran mata pelajaran KH. Guru seharusnya mendapat sokongan dan galakan serta motivasi daripada pihak pengetua dalam menangani sesuatu pengajaran. Kerjasama dan saling bersefahaman antara semua pihak di sekolah adalah penting untuk kejayaan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran.

Batasan Kajian

Kajian ini melibatkan sekolah menengah harian yang terdapat di dua buah daerah di negeri Selangor Darul Ehsan. Daerah tersebut ialah daerah Hulu Selangor dan Sabak Bernam. Dengan ini, sekolah berasrama penuh tidak termasuk dalam kajian ini.

Definisi Operasional

Dalam kajian ini beberapa definisi telah diberikan terhadap beberapa istilah utama seperti yang dihuraikan di bawah.

Latar Belakang

Merujuk kepada beberapa aspek penting yang berkaitan dengan diri guru. Ini meliputi latihan dan kemahiran, pengalaman mengajar, umur, jantina, sokongan pengetua dan kemudahan bekalan peralatan dan bahan bantu mengajar.

Guru Kemahiran Hidup

Dalam konteks kajian ini, guru Kemahiran Hidup adalah guru lelaki dan perempuan yang mempunyai kelayakan ikhtisas perguruan. Mereka mengajar di sekolah menengah kerajaan dari tingkatan satu hingga tingkatan tiga.

Mata Pelajaran Kemahiran Hidup

Mata pelajaran Kemahiran Hidup dalam kajian ini ialah satu pelajaran yang diajar di sekolah menengah rendah (tingkatan satu, dua dan tiga) yang diperkenalkan dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah yang menggantikan mata pelajaran elektif dalam kurikulum lama. Mata pelajaran ini mengandungi dua bahagian iaitu Teras dan Pilihan. Bahagian Teras mengandungi tiga komponen iaitu Kemahiran Manipulatif, Perdagangan dan Keusahawanan dan Kekeluargaan yang mesti diambil oleh setiap orang pelajar. Bahagian Pilihan pula mengandungi tiga komponen iaitu KMT, ERT dan SP.